

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
(JOHOR BAHRU)**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi memperkuatkan strategi penerangan dan penyaluran maklumat berkaitan inisiatif-inisiatif kerajaan kepada rakyat di bawah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa meningkatkan usahanya untuk menyampaikan maklumat berkaitan Kerajaan dan dasar-dasarnya terus sampai kepada rakyat meliputi pelbagai lapisan masyarakat dari masa ke semasa.
2. Selaras pendekatan Pelan Strategik Kementerian Komunikasi Multimedia 2019-2023, yang menggariskan pemerkasaan perkhidmatan penyiaran yang berkualiti dan terkini, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) turut serta dalam usaha kerajaan merealisasikan Pendigitalan Penyiaran Nasional iaitu peralihan secara berperingkat di seluruh negara, daripada sistem analog kepada digital (atau dikenali sebagai *Analogue Switch Off* (ASO)). Transformasi ini antara lain mendasari usaha RTM memperkuatkan strategi penyaluran maklumatnya selain fokus terhadap kepelbagaian pengisian atau kandungan siarannya.
3. Usaha pendigitalan ini membolehkan rakyat menikmati kualiti audio-visual penyiaran yang lebih jelas dan cantik, di samping mempunyai lebih banyak

akses dan pilihan saluran TV dan radio. Secara keseluruhan, ia akan memberi kualiti akses yang lebih baik terutama bagi penduduk di kawasan terpencil.

4. RTM juga telah memulakan 3 saluran sedia ada (TV1, TV2 dan TV Okey) dan Saluran Percubaan Berita di platform MyFreeview. Menuju ke hadapan, RTM merancang untuk terus memperkasa saluran berkenaan di samping rencana pembangunan saluran berkonsep *niche channel* (saluran khusus) secara berfasa, mengambil kira trend penyiaran global masa kini dan sasaran utama penyampaian maklumat menyeluruh dapat dipenuhi.

5. Begitu juga dengan kandungan program radio, RTM turut memperluas siaran radio ke platform sama. Enam (6) stesen radio utama RTM diperkenalkan, memberikan alternatif akses kepada pendengar selain melalui siaran radio secara konvensional.

6. Dengan trend penggunaan media yang berubah dan lebih cenderung ke arah media baharu, RTM telah mengatur strateginya penyampaian mesejnya kepada khalayak. Dalam menyaingi medium baharu lain dalam industri, RTM berjaya menawarkan penontonan secara *live streaming* menerusi platform media sosial dan portal MyKlik. Rakyat kini boleh mengakses saluran media tradisional hanya di hujung jari.

7. Dalam usaha mengintegrasikan platform digital dan media baharu RTM telah memulakan siaran radio bervisual menerusi Saluran Percubaan Beritanya bagi membolehkan pendengar menonton secara langsung siaran radio di televisyen. RTM juga terus menambah nilai produk penyiarannya menerusi pewujudan perkhidmatan tambah nilai terbaru iaitu Hybrid Broadband Broadcast TV, HbbTV yang memberi pengalaman penggunaan televisyen secara lebih interaktif kepada penonton. Perkhidmatan tambah nilai ini disasarkan kepada penonton yang mempunyai capaian akses jalur lebar.

8. Di samping peranan besar RTM di platform penyiaran, RTM turut memastikan rakyat segenap pelusuk menerima maklumat dan mesejnya termasuk menerusi penganjuran program di lapangan. Manakala program turun padang bersepadu oleh radio-radio RTM iaitu, Aspirasi Merdeka, yang dianjurkan pada setiap bulan kemerdekaan sejak 2014 berjaya diteruskan

sehingga kini dengan tujuan menyemarakkan bulan kemerdekaan serta menyemai kecintaan terhadap negara terutama dalam kalangan golongan muda.

9. Manakala, BERNAMA juga sentiasa mengutamakan berita berkaitan inisiatif kerajaan bertujuan memastikan rakyat mendapat maklumat dan memahami hasrat murni kerajaan untuk membantu rakyat bawahan. Semua laporan- laporan berita termasuk dalam bentuk Infografik dan video dihebahkan secara berterusan melalui pelbagai platform BERNAMA terutamanya media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook* selain saluran TV dan Radio.